

Bekas tentera dipelawa anggotai Jabatan Hal Ehwal Veteran

UM 22 MAY 2001

KUALA LUMPUR 21 Mei — Semua bekas tentera dipelawa memohon menganggotai Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) yang ditubuhkan sejak tiga minggu lalu bagi menjamin kebajikan mereka.

Pengarah JHEV, Mejar Jeneral Datuk Mohd. Amin Md. Saleh berkata, keahlian jabatan itu turut terbuka kepada ahli keluarga bekas anggota tentera termasuk balu dan anak-anak mereka.

JHEV yang ditubuhkan pada awal Mei lalu, katanya, adalah hasil idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang diutarakan oleh beliau baru-baru ini.

“Ta bertujuan memberi khidmat kepada setiap anggota tentera yang pernah memberi sumbangan besar kepada negara,” katanya kepada *Utusan* di sini hari ini.

Beliau ditemui selepas

Majlis Serah dan Terima Tugas Panglima Tentera Darat di Markas Latihan Tentera Darat di sini hari ini.

Mohd. Amin menyerahkan jawatannya sebagai Panglima Latihan Tentera Darat kepada pengganti beliau, Mejar Jeneral Datuk Tengku Ariffin Tengku Mohamed.

Beliau yang dilantik sebagai Pengarah JHEV selepas bersara hari ini memberitahu, jabatan itu akan beroperasi secara rasmi apabila bangunan ibu pejabatnya di Kuala Lumpur siap dalam tempoh tiga bulan lagi.

Selain ibu pejabat di Kuala Lumpur, beliau berkata, JHEV juga akan membuka pejabat cawangan di sembilan buah negeri di seluruh negara.

“Kelantan dan Terengganu akan berkongsi pejabat di Kota Bharu, manakala,

Pulau Pinang, Kedah dan Perlis mempunyai satu pejabat khas di Alor Setar.

“Selangor akan mempunyai pejabat di Shah Alam dan negeri-negeri lain akan memiliki pejabatnya sendiri,” katanya.

Mohd. Amin berkata, JHEV adalah sebuah jabatan kebajikan anggota tentera milik kerajaan berbeza dengan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) yang dimiliki oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Selain daripada menerima anggota veteran, beliau berkata, pihaknya sedang mengkaji untuk membuka keahlian kepada anggota tentera yang bersara awal.

“Kita masih mengkaji siapa lagi yang layak menganggotai jabatan ini, di samping membuka keahlian kepada anggota veteran dan ahli keluarga mereka, ahli wani- serta balu yang suaminya

pernah berkhidmat dalam tentera.

“JHEV akan mengadakan latihan kemahiran khas kepada semua anggota tentera yang hendak bersara dan mencari pekerjaan kepada mereka selepas itu,” katanya.

Mohd. Amin memberitahu, seramai 127,000 anggota tentera layak mendaftar dengan JHEV. Bagaimanapun, jumlah itu dijangka bertambah kerana ada ramai lagi anggota tentera bersara yang tidak direkodkan.

“Saya akan mengemas kini rekod-rekod tersebut dan terus menyalurkan bantuan jika sudah mendapat rekod bar-u nanti,” katanya.

Sebagai permulaan, katanya, terdapat 86 orang yang sudah mendaftar dalam JHEV.